

bahawa Rasulullah s.a.w. tidak suka (seseorang) tidur sebelum (bersembahyang) 'Isyaa' dan (tidak suka juga seseorang) berbual-bual selepasnya.¹⁰³¹

بَابُ الْقَوْمِ قَبْلَ الْعِشَاءِ لَمَنْ غَلَبَ

106- Bab Tidur Sebelum 'Isyaa' Bagi Orang Yang Mengantuk Sangat.¹⁰³²

٥٣٦ - حَدَّثَنَا أَيُّوبُ بْنُ سُلَيْمَانَ هُوَ ابْنُ بِلَالٍ قَالَ حَدَّثَنِي أَبُو بَكْرٍ عَنْ سُلَيْمَانَ هُوَ ابْنُ بِلَالٍ قَالَ حَدَّثَنَا صَالِحُ بْنُ كَيْسَانَ أَخْبَرَنِي ابْنُ شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ أَعْتَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعِشَاءِ حَتَّى نَادَاهُ عُمَرُ الصَّلَاةَ نَامَ النِّسَاءُ وَالصَّبِيَّانُ فَخَرَجَ فَقَالَ مَا يَنْتَظِرُهَا أَحَدٌ مِنْ أَهْلِ الْأَرْضِ غَيْرُكُمْ قَالَ وَلَا يُصَلِّي يَوْمِيذٍ إِلَّا بِالْمَدِينَةِ وَكَانُوا يُصَلُّونَ فِيمَا بَيْنَ أَنْ يَغِيبَ الشَّفَقُ إِلَى ثُلُثِ اللَّيْلِ الْأَوَّلِ

¹⁰³¹ Perbualan yang tidak disukai dan dilarang oleh Nabi s.a.w. selepas seseorang bersembahyang 'Isyaa' ialah perbualan yang tidak berfaedah sahaja. Adapun perbualan yang berfaedah, sama ada berfaedah untuk kehidupan dunia atau akhirat, maka ia tidak dilarang Baginda s.a.w. Malah Rasulullah s.a.w. sendiri ada berbual-bual dan bercakap-cakap selepas bersembahyang 'Isyaa'. Di akhir Kitab Mawaaqit as-Shalah nanti akan ada باب السَّمَرِ فِي الْفَقْهِ وَالْخَيْرِ بَعْدَ الْعِشَاءِ (Bab Berbual-Bual Berkenaan Dengan Fiqh Dan Kebaikan Selepas 'Isyaa') dan باب السَّمَرِ مَعَ الضَّيْفِ وَالْأَهْلِ (Bab Berbual-Bual Pada Waktu Malam Dengan Tetamu Dan Ahli Keluarga). Di bawah dua bab itu Imam Bukhari akan mengemukakan hadits-hadits yang menunjukkan Nabi s.a.w. telah berbual-bual selepas 'Isyaa' dan ia merupakan sebaik-baik bukti tentang keharusannya. Nabi s.a.w. tidak suka umatnya berbual-bual selepas 'Isyaa' sehingga larut malam kerana Baginda s.a.w. takut mereka akan terlepas waktu subuh atau tidak bangun untuk beribadat pada waktu malam (قيام الليل) setelah tertidur dengan nyenyak kerana terlalu mengantuk. Selain itu kerana lewat tidur, mereka juga mungkin sekali keletihan pada keesokan harinya untuk melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang lain.

¹⁰³² Tajuk bab ini jelas menunjukkan pendapat Bukhari tentang hukum tidur sebelum bersembahyang 'Isyaa'. Bagi beliau ia tidak terlarang secara mutlaq. Dalam keadaan sangat mengantuk seseorang dibenarkan tidur sebelumnya. Hadits 536 dan 537 di bawah bab ini menyatakan para sahabat telah tidur atau tertidur kerana terlalu mengantuk sebelum mereka bersembahyang 'Isyaa'. Apa yang berlaku kepada mereka itu memang diketahui Rasulullah s.a.w. Namun Baginda s.a.w. tidak membantah atau menegur mereka. Sebaliknya memuji mereka kerana sabar menunggu sembahyang dengan berjama'ah bersama Baginda s.a.w. walaupun telah beberapa kali tertidur. Dari itu dapatlah disimpulkan larangan Baginda s.a.w. di dalam hadits di bawah bab sebelum ini bukan mutlaq. Ia tiada kena mengena dengan orang yang terlalu mengantuk. Ia hanya berkaitan dengan orang yang dibimbangi sembahyang 'Isyaa' secara berjama'ah akan terlepas daripadanya atau akan terlepas terus sembahyang 'Isyaa' daripadanya. Demikianlah cara Bukhari menjama' dan mentaufiqkan dua kelompok riwayat yang zahirnya kelihatan bertentangan.

536- Ayyub bin Sulaiman - dia ialah anak Bilal - meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Bakar ('Abdul Hamid bin 'Abdillah bin Uwais al-Ashbahi) meriwayatkan kepada saya daripada Sulaiman - dia ialah anak Bilal - (ayah Ayyub) katanya: Saleh bin Kaisan meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Syihaab meriwayatkan kepada saya daripada 'Urwah bahawa 'Aaisyah berkata: "Rasulullah s.a.w. pernah melewati sembahyang 'Isyaa' sehingga 'Umar dengan suara agak keras berkata (untuk menarik perhatian Nabi s.a.w.): "Sembahyang! Perempuan-perempuan dan kanak-kanak telah pun tidur," Baginda pun keluar seraya bersabda: "Tidak ada seorang pun penduduk bumi selain daripada kamu yang menunggu sembahyang ini." Perawi berkata:¹⁰³³ "Sembahyang pada

¹⁰³³ Al-Qasthallaani dengan terang dan tegas mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan 'perawi' di sini ialah 'Aaisyah. Walaupun perkataan قال digunakan dengan shighah mufrad muzakkar, bukan dengan shighah muannats. Ini kerana bagi beliau dhamirnya meruju kepada perkataan الراوي yang ditaqdirkan. Al-'Aini juga sependapat dengan al-Qasthallaani daripada segi dhamir di dalam قال kembali kepada perkataan الراوي yang ditaqdirkan. Tetapi beliau tidak menetapkan الراوي yang ditaqdirkan itu dengan 'Aaisyah, malah mengandaikan juga perawi-perawi lain selain 'Aaisyah. Hafiz Ibnu Hajar langsung tidak menyentuh soal ini di dalam Fathul Baarinya. Apa yang disebut beliau hanyalah "Di dalam riwayat Muslim melalui saluran Yunus daripada Ibnu syihaab ada tambahan di dalam hadits ini iaitu kata Ibnu Syihaab: "Ada disebutkan kepada saya bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: وما كان لكم أن تنزروا رسول الله صلى الله عليه وسلم (Tidak sepatutnya kamu mendesak Rasulullah s.a.w. untuk bersembahyang) apabila 'Umar meneriakkan kata-katanya. Perkataan تنزروا ada juga diriwayatkan dengan تنزروا, maka ia bererti mengeluarkan." Tambahan yang tersebut di dalam riwayat Muslim ini tidak lebih daripada mursal Zuhri yang langsung tidak boleh dipegang dan dipertanggungjawabkan menurut para 'ulama' hadits." Ibnu Rajab pula tanpa ragu-ragu mengatakan perawi yang berkata di sini adalah Ibnu Syihaab az-Zuhri. Ertinya bagi beliau ini termasuk dalam salah satu idraaj (sisipan) yang dilakukan oleh Ibnu Syihaab az-Zuhri. Ibnu Rajab juga mengatakan az-Zuhri selalu melakukan begitu. Memang menjadi kebiasaan beliau melakukan idraaj dan irsaal seperti itu. Pendapat Ibnu Rajab itulah yang betul dan tepat sebenarnya. Kerana hadits 'Aaisyah ini telah pun berlaku sebelum ini melalui saluran riwayat 'Uqail daripada az-Zuhri. Lihat hadits nombor 533. Di dalamnya tidak tersebut tambahan yang terdapat di dalam riwayat 536 ini. Tetapi ada tambahan ini: "Peristiwa ini berlaku sebelum Islam tersebar dengan meluas." Muslim juga meriwayatkan daripada Ibnu Syihaab melalui saluran Yunus dan 'Uqail dengan tambahan ini. Bukhari akan mengemukakan lagi riwayat Zuhri melalui saluran Syu'aib dan Ma'mar di bawah باب وضوء الصبيان. Selepas sabda rasulullah s.a.w.: هذه الصلاة غيركم (Pada masa itu tidak ada orang bersembahyang selain penduduk Madinah). Di bawah باب خروج النساء إلى المساجد Imam Bukhari mengemukakan pula hadits Zuhri melalui saluran Syu'aib. Di dalamnya tersebut tambahan ini: ولا Bermaksud: "Sembahyang pada masa itu hanya dikerjakan di Madinah dan mereka bersembahyang 'Isyaa' pada waktu antara hilang syafaq hingga ke sepertiga malam." Nasaa'i juga mengemukakan hadits ini melalui saluran Syu'aib daripada az-Zuhri dengan tambahan yang sama. Melalui saluran Muhammad bin Himyar yang meriwayatkannya daripada Ibnu Abi 'Ablah daripada az-Zuhri pula Nasaa'i meriwayatkan dengan tambahan: ولم يكن يصلي يومئذ إلا بالمدينة ثم قال صلوا فيها بين أن يغيب الشفق إلى ثلث الليل

hari itu tidaklah dikerjakan kecuali di Madinah¹⁰³⁴ dan mereka (Nabi s.a.w. dan para sahabatnya) bersembahyang 'Isyaa' pada masa di antara hilangnya syafaq sehingga kepada satu per tiga awal malam.”

٥٣٧- حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غِيْلَانَ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ قَالَ أَخْبَرَنِي ابْنُ جُرَيْجٍ قَالَ أَخْبَرَنِي نَافِعٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شُغِلَ عَنْهَا لَيْلَةً فَأَخْرَجَهَا حَتَّى رَقَدْنَا فِي الْمَسْجِدِ ثُمَّ اسْتَيْقَظْنَا ثُمَّ رَقَدْنَا ثُمَّ اسْتَيْقَظْنَا ثُمَّ خَرَجَ عَلَيْنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ لَيْسَ أَحَدٌ مِنْ أَهْلِ الْأَرْضِ يَنْتَظِرُ الصَّلَاةَ غَيْرُكُمْ. وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ لَا يُبَالِي أَقَدَمَهَا أَمْ أَخْرَجَهَا إِذَا كَانَ لَا يَخْشَى أَنْ يَغْلِبَهُ النَّوْمُ عَنْ وَفْتِهَا وَكَانَ يَرْقُدُ قَبْلَهَا قَالَ ابْنُ جُرَيْجٍ قُلْتُ لِعَطَاءٍ وَقَالَ سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ يَقُولُ أَعْتَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةً بِالْعِشَاءِ حَتَّى رَقَدَ النَّاسُ وَاسْتَيْقَظُوا وَرَقَدُوا وَاسْتَيْقَظُوا فَقَامَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فَقَالَ الصَّلَاةُ قَالَ عَطَاءٌ قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ فَخَرَجَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَيْهِ الْآنَ يَقْطُرُ رَأْسُهُ مَاءً وَاضِعًا يَدَهُ عَلَى رَأْسِهِ فَقَالَ لَوْلَا أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لَأَمَرْتُهُمْ أَنْ يُصَلُّوهَا هَكَذَا فَاسْتَنْبِثْتُ عَطَاءً كَيْفَ وَضَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ

Pada masa itu Baginda s.a.w. tidak bersembahyang kecuali di Madinah. Kemudian Baginda bersabda: “Bersembahyanglah kamu 'Isyaa' pada waktu di antara hilang syafaq hingga ke satu per tiga malam.” Bahagian akhir di dalam riwayat ini dikatakan sabda Nabi s.a.w. Padahal ia tidak mahfuz sebagai kata-kata Nabi s.a.w. Yang jelasnya kesemua tambahan yang tersebut di dalam riwayat ini adalah mudraj. Kesemuanya adalah kata-kata az-Zuhri. At-Thabaraani di bawah Musnad Ibrahim bin Abi 'Ablah meriwayatkan hadits ini menerusi beberapa saluran riwayat daripada Muhammad bin Himyar. Di dalamnya tersebut *وكانوا يصلونها* Bermaksud: “Mereka mengerjakan sembahyang 'Isyaa'...” Riwayat-riwayat ini jelas menunjukkan tambahan tadi adalah mudraj. Tambahan di dalam riwayat Muslim melalui saluran Yunus daripada Ibni syihaab yang telah penulis kemukakan tadi juga menunjukkan betapa banyaknya Zuhri melakukan idraaj dan irsaal dalam riwayat-riwayatnya. Memang tepat sekali apa yang dikatakan oleh Hafiz Ibnu Rajab tadi bahawa az-Zuhri selalu melakukan begitu. Memang menjadi kebiasaan beliau melakukan idraaj dan irsaal seperti itu. Itulah sebabnya Imam as-Syafi'e berkata: “Irsaal Zuhri di sisi kami tidak bernilai langsung.” Kata Yahya bin Sa'id al-Qatthaan: “Mursal Zuhri lebih teruk daripada mursal orang-orang lain.”

¹⁰³⁴ Zahir kata-kata az-Zuhri ini seolah-olahnya menggambarkan bahawa sembahyang pada masa itu tidak dikerjakan langsung kecuali di Madinah. Ia seharusnya diqaidkan dengan 'berjama'ah' atau secara terbuka. Ya'ni sembahyang berjama'ah atau sembahyang secara terbuka tidak dilakukan kecuali di Madinah. Sebabnya ialah walaupun orang-orang Islam di tempat-tempat lain seperti di Mekah dan lain-lain juga bersembahyang, namun mereka hanya bersembahyang secara sembunyi-sembunyi atau secara bersendirian. Boleh jadi juga maksud perawi ialah kerana pada ketika itu penduduk-penduduk di kawasan-kawasan lain belum memeluk agama Islam. Sesetengah 'ulama' mempertikaikan mudraj Zuhri ini. Ia bagi mereka bercanggah dengan kenyataan. Kerana sembahyang sama ada secara bersendirian atau berjama'ah pada ketika itu dilakukan juga di tempat-tempat lain selain di Madinah seperti di Qubaa', Juwatsa dan lain-lain. Sekurang-kurang ia jelas bercanggah dengan hadits 540 akan datang.

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رَأْسِهِ يَدَهُ كَمَا أَنْبَأَهُ ابْنُ عَبَّاسٍ فَبَدَّدَ لِي عَطَاءٌ بَيْنَ أَصَابِعِهِ شَيْئًا مِنْ تَبْدِيدِهِ ثُمَّ وَضَعَ أَطْرَافَ أَصَابِعِهِ عَلَى قَرْنِ الرَّأْسِ ثُمَّ صَمَّمَهَا يُرْوَاهَا كَذَلِكَ عَلَى الرَّأْسِ حَتَّى مَسَّتْ إِبْهَامُهُ طَرَفَ الْأُذُنِ مِمَّا يَلِي الْوَجْهَ عَلَى الصُّدْغِ وَنَاحِيَةِ اللَّحْيَةِ لَا يُقَصِّرُ وَلَا يَنْطُشُ إِلَّا كَذَلِكَ وَقَالَ لَوْلَا أَنْ أَشَقُّ عَلَى أُمَّتِي لَأَمَرْتُهُمْ أَنْ يُصَلُّوا هَكَذَا

537- Mahmud - iaitu anak Ghailan - meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdur Razzaq (bin Hammaam bin Naafi' al-Himyari al-Yamaani) meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Juraij ('Abdul Malik) meriwayatkan kepada saya, katanya: Naafi' (hamba bebasan Ibnu 'Umar) meriwayatkan kepada saya, katanya: 'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan kepada kami bahawa, kerana kesibukan pernah pada suatu malam Rasulullah s.a.w. melewati sembahyang 'Isyaa' sehingga kami tertidur di dalam masjid kemudian kami terjaga dari tidur. Kemudian kami tidur lagi dan terjaga (pula selepas tidur buat kali kedua).¹⁰³⁵ Lama selepas itu barulah Nabi s.a.w. keluar menemui kami lalu Baginda

¹⁰³⁵ Ini adalah salah satu hadits yang dijadikan pegangan oleh golongan yang berpendapat tidur tidak membatalkan wudhu'. Tidak terdapat langsung di dalam hadits ini cerita tentang para sahabat yang tidur itu pergi berwudhu' terlebih dahulu sebelum berjama'ah dengan Nabi s.a.w. 'Ibarat hadits di atas kata mereka jika diperhatikan dengan saksama, terang menunjukkan para sahabat itu telah tidur agak lama. Lihat bagaimana perawi beberapa kali menggunakan perkataan ثم apabila bercerita tentang tidur dan bangun para sahabat ketika menunggu Rasulullah s.a.w. untuk bersembahyang. اسْتَيْقَظْنَا ثُمَّ رَقَدْنَا ثُمَّ اسْتَيْقَظْنَا ثُمَّ رَقَدْنَا (sehingga kami tertidur di dalam masjid kemudian kami terjaga dari tidur. Kemudian kami tidur lagi dan terjaga). Sedia dima'lumi bahawa perkataan ثم mengandungi erti dua perbuatan atau lebih telah berlaku secara berturut seperti tersebut di dalam ayat dan setelah agak lama berlaku perbuatan yang pertama (للترتيب والترخي). Golongan ini juga berpegang dengan hadits yang lebih terang lagi daripada hadits Bukhari ini, iaitu hadits Anas berikut: Kata beliau: كَانَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنَامُونَ (Hadits riwayat Muslim, Tirmizi, Abu Daud, Abu 'Awaanah dan lain-lain). Baihaqi di dalam Sunan Kubranya juga meriwayatkan hadits Anas ini. Tetapi dengan tambahan diujungnya begini: عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ Bermaksud: "Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. dahulu tidur kemudian bangun lalu bersembahyang tanpa berwudhu' (terlebih dahulu)." (Hadits riwayat Muslim, Tirmizi, Abu Daud, Abu 'Awaanah dan lain-lain). Baihaqi di dalam Sunan Kubranya juga meriwayatkan hadits Anas ini. Tetapi dengan tambahan diujungnya begini: عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ Bermaksud: di zaman Rasulullah s.a.w." Orang-orang yang berpendapat tidur membatalkan wudhu' pula menta'wil hadits-hadits seumpama ini dengan berbagai-bagai ta'wilan sesuai dengan pendapat pilihan masing-masing. Antaranya: (1) Para sahabat itu tidur dalam keadaan duduk yang tetap (papan) punggung mereka. Bagi mereka jika seseorang tidur dalam keadaan itu, wudhu'nya tidak batal. (2) Mereka tidur tidak nyenyak sehingga hilang terus kesadaran tentang apa-apa yang berlaku di sekeliling mereka. Tidur yang tidak nyenyak menurut sesetengah 'ulama' tidak membatalkan wudhu'. Perkataan اسْتَيْقَظَ sering kali digunakan juga dalam muhawarah 'Arab dengan erti sedar dari rasa mengantuk atau dari kelalaian (استيقظ من سنته وغفلته). Supaya lebih jelas, di bawah ini dikemukakan perbezaan pendapat 'ulama' tentang tidur, adakah ia membatalkan wudhu' atau tidak? Atau di sana ada bentuk-bentuk tidur tertentu sahaja yang membatalkan wudhu'. (1) Tidur secara mutlaq (baik lama atau sebentar, nyenyak atau tidak dan dalam keadaan bagaimana sekalipun) tidak membatalkan wudhu'. Ini adalah mazhab Abu Musa

bersabda: “Tidak ada seorang pun daripada penduduk bumi yang menunggu sembahyang ini selain daripada kamu.” Ibnu ‘Umar tidak kisah sama ada ia bersembahyang ‘Isyaa’ di awal waktu atau melewatkannya sekiranya ia tidak takut akan tertidur sehingga terlepas waktunya. Ibnu ‘Umar selalu tidur sebelum bersembahyang ‘Isyaa’. Kata Ibnu Juraij¹⁰³⁶ (dgn sanad yg sama): “Saya bertanya ‘Athaa’ (bin Abi Rabaah), maka beliau berkata: “Saya mendengar Ibnu ‘Abbaas bercerita: “Pernah pada suatu malam Rasulullah s.a.w. melewatkan sembahyang ‘Isyaa’ sehingga sahabat-sahabat tertidur dan terjaga lalu tidur lagi dan kemudian terjaga pula. Maka bangkitlah ‘Umar seraya berkata: “Sembahyang!” Kata ‘Athaa’: Ibnu ‘Abbaas berkata: “Nabi s.a.w. pun keluar, - aku sekarang semacam nampak-nampak lagi - kepala Baginda menitikkan air dan Baginda meletakkan tangan di atas kepalanya sambil bersabda: “Kalaulah tidak kerana aku takut menyusahkan ummatku pasti kusuruh mereka bersembahyang begini.” Untuk mendapat kepastian aku (Ibnu Juraij) bertanya ‘Athaa’ tentang bagaimana Nabi s.a.w. meletakkan tangan di atas

al-Asy’ari, Ibnu ‘Umar, Sa’id bin Musaiyyab, Makhul, Abu Mijlaz, ‘Abidah as-Salmaani, al-Auzaa’i, Humaid bin ‘Abdir Rahman al-A’raj dan Syu’bah. (2) Tidur secara mutlaq (baik lama atau sebentar, nyenyak atau tidak dan dalam keadaan bagaimana sekalipun) membatalkan wudhu’. Ini adalah mazhab Ibnu ‘Abbaas, Abu Hurairah, Hasan al-Bashri, al-Muzani, Abu ‘Ubaid al-Qasim bin Sallaam, Ishaq bin Rahawaih dan Ibnu al-Munzir. Ini juga salah satu pendapat Syafi’e yang ganjil. (3) Tidur kalau lama dan nyenyak, biar bagaimanapun keadaannya membatalkan Wudhu’. Kalau sebentar sahaja dan tidak nyenyak, biar bagaimanapun keadaannya tidak membatalkan. Inilah mazhab az-Zuhri, Rabi’ah, al-Auzaa’i (menurut satu riwayat yang lain daripada beliau), Malik, Ahmad dan Ishaq menurut satu riwayat daripada mereka berdua. (4) Tidur kalau dalam keadaan orang yang bersembahyang seperti dalam keadaan ruku’, sujud, qiam dan lain-lain tidak membatalkan wudhu’. Sama ada dalam sembahyang atau di luar sembahyang. Kalau dalam keadaan berbaring, terlentang atau tertiarap dan lain-lain baru terbatal wudhu’. Inilah mazhab Abu Hanifah, Daud Zahiri, Sufyan ats-Tsauri, Hammad bin Abi Sulaiman dan salah satu pendapat Syafi’e yang ganjil. (5) Tidur tidak membatalkan wudhu’ kecuali dalam keadaan ruku’ atau sujud. Ini adalah salah satu pendapat Ahmad. (6) Dalam sembahyang, biar bagaimanapun keadaan tidur tidak membatalkan wudhu’. Tidur yang membatalkan wudhu’ hanyalah di luar sembahyang. Ini adalah pendapat Syafi’e yang dha’if. (7) Tidur dalam keadaan tetap (papan) punggung di lantai tidak membatalkan. Sama ada lama atau sebentar, dalam sembahyang atau di luar sembahyang. Kalau tidak tetap membatalkan. Inilah mazhab Syafi’e menurut qaul jadid beliau. (8) Orang yang tertidur ketika sujud dalam sembahyang tidak terbatal wudhu’nya. Tetapi terbatal wudhu’nya jika ia tidur dalam keadaan sujud di luar sembahyang. Sengaja tidur ketika sujud juga membatalkan wudhu’. Inilah pendapat Ibnu al-Mubarak.

¹⁰³⁶ Kata Ibnu Juraij yang dinukilkan oleh Bukhari ini bukan ta’liq, ia juga musnad dengan sanad yang sama. Ertinya ialah kata Ibnu Juraij ini juga diambil Bukhari daripada Mahmud bin Ghailan daripada ‘Abdir Razzaaq daripada Ibnu Juraij. ‘Abdur Razzaaq di dalam Mushannafnya mengemukakan hadits Ibnu Juraij ini menerusi dua saluran sanad. At-Thabaraani dan Abu Nu’aim di dalam Mustakhrajnya juga meriwayatkan hadits Ibnu Juraij ini menerusi saluran ‘Abdur Razzaaq.

kepala Baginda sebagaimana yang diceritakan oleh Ibnu `Abbaas. Maka `Athaa' merenggangkan sedikit jari-jemarinya, lalu meletakkan hujung jari-jemarinya di bahagian atas kepala. Kemudian dirapatkannya jari jemarinya itu sambil menyapu kepala dalam keadaan ibu jarinya menyentuh bahagian hadapan telinga di bahagian pelipis dan jambang. Tidak terlalu lambat Baginda s.a.w. berbuat begitu dan tidak juga terlalu cepat, hanya seperti ini (seperti yang saya tunjukkan ini). Dan Baginda s.a.w. bersabda: "Kalaulah tidak kerana aku takut akan menyusahkan ummatku nescaya aku perintahkan mereka bersembahyang (lewat) begini."¹⁰³⁷

بَابُ وَقْتِ الْعِشَاءِ إِلَى نِصْفِ اللَّيْلِ وَقَالَ أَبُو بَرَزَةَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَحِبُّ تَأْخِيرَهَا

¹⁰³⁷ Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum yang dapat disimpulkan daripada hadits ini ialah: (1) Keharusan tidur sebelum bersembahyang 'Isyaa' kepada orang yang mengantuk sangat. (2) Tidur sebelum bersembahyang 'Isyaa' juga diharuskan kepada orang yang percaya dirinya dapat bangun bersembahyang dalam waktunya. (3) Sembahyang 'Isyaa' itu ada kelebihanannya tersendiri. Antara sebab kelebihanannya ialah ia hanya difardhukan ke atas umat Muhammad. Ia tidak pernah difardhukan ke atas umat-umat lain sebelum mereka. (4) Golongan wanita dan kanak-kanak juga elok pergi ke masjid untuk sembahyang berjama'ah. Mereka boleh pergi ke masjid sama ada pada waktu siang atau pada waktu malam. (5) Segolongan 'ulama' berpegang dengan hadits ini tentang tidak terbatalnya wudhu' dengan sebab tidur secara mutlaq. Sementara segolongan yang lain pula mensyaratkan tidur dengan cara tertentu sahaja tidak membatalkan wudhu'. Kerananya hadits-hadits yang mutlaq seperti ini mereka qaidkan dengan dalil-dalil yang lain. (6) Keharusan tidur di dalam masjid. (7) Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang sibuk. Kerana kesibukan Baginda s.a.w. kadang-kadang tidak dapat menyelesaikan setengah-setengah perkara pada waktu siang. Ia memaksa Baginda melakukannya pada waktu malam. Setengah-setengah perkara pula hanya sesuai diselesaikan pada waktu malam sahaja. (8) Walaupun Rasulullah s.a.w. sangat menjaga kepentingan orang ramai, terutamanya orang-orang yang uzur, kalangan wanita dan kanak-kanak, tetapi ada ketikanya Baginda terlewat bersembahyang 'Isyaa'. Kerananya mereka tetap sabar menunggu Baginda untuk bersembahyang bersama-sama. (9) Nabi s.a.w. lebih suka bersembahyang 'Isyaa' agak lewat, kerana bersembahyang 'Isyaa' pada waktu agak lewat itu ada kelebihanannya yang tersendiri. Tetapi demi menjaga keperluan orang ramai dan kerana takut akan menyusahkan umatnya Baginda s.a.w. selalunya bersembahyang 'Isyaa' di awal waktu. (10) Sesuatu peristiwa yang berlaku kepada Nabi s.a.w. diingati oleh para sahabat dengan baik. Mereka bahkan dapat menggambarkan peristiwa gerak-geri Nabi s.a.w. kepada orang-orang kemudian dengan amat rapi. (11) Nabi s.a.w. mempunyai janggut dan jambang. (12) Untuk mendapat kepastian tentang sesuatu perkara seseorang pelajar elok bertanya guru supaya tidak timbul kemusykilan di kemudian hari. (13) Para sahabat memang sangat sayang kepada Rasulullah s.a.w. dan Baginda s.a.w. adalah seorang yang sangat penting dalam kehidupan mereka. Kita akan selalu temui bagaimana seseorang sahabat berkata: "Aku masih nampak-nampak lagi Rasulullah s.a.w. berkeadaan begini-begini..." Manusia tidak akan terbayang-bayangkan seseorang yang tidak dikasihinya sebegitu rupa.